

## **SOALAN LAZIM (FAQ)**

### **BERKAITAN PERMOHONAN KEBENARAN PIHAK BERKUASA NEGERI SECARA ATAS TALIAN SEPENUHNYA (E2E CONSENT)**

#### **1. Apakah yang dimaksudkan dengan permohonan End to End (E2E) Consent?**

Permohonan End to End (E2E) Consent bermaksud semua urusan bagi permohonan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau Consent dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian. Pemohon tidak lagi perlu hadir ke kaunter PPTG WPKL untuk berurusan.

#### **2. Bilakah sistem E2E Consent akan dilaksanakan sepenuhnya secara atas talian?**

E2E Consent akan dilaksanakan sepenuhnya pada **27 Oktober 2020**. Tempoh peralihan pelaksanaan consent E2E diberikan selama tiga (3) bulan bermula 27 Julai 2020.

#### **3. Adakah urusan boleh dibuat sekiranya tiada akaun pengguna Portal Awam e-Tanah PPTG WPKL?**

Tidak boleh. Pemohon perlu mendaftar sebagai pengguna Portal Awam e-Tanah PPTG WPKL terlebih dahulu bagi mendapat id pengguna untuk akses ke perkhidmatan yang terdapat di Portal Awam e-Tanah.

#### **4. Adakah semua urusan Consent boleh dibuat secara E2E?**

Ya, semua urusan Consent yang terdapat di Portal Awam e-Tanah boleh dibuat secara E2E.

#### **5. Adakah permohonan E2E Consent boleh dibuat sekiranya cukai tanah / cukai petak belum dijelaskan?**

Cukai tanah / cukai petak wajib dijelaskan sebelum membuat permohonan Consent.

#### **6. Apakah kaedah pembayaran yang digunakan bagi perkhidmatan E2E Consent?**

Pada masa kini, perkhidmatan E2E hanya menyediakan kemudahan bayaran melalui FPX (*Financial Process Exchange*).

#### **7. Sekiranya pengguna terlepas/terlupa untuk mencetak resit bayaran, bolehkah cetakan tersebut dibuat semula?**

Pengguna boleh mencetak semula resit bayaran pada kolumn Tindakan pada skrin Status Permohonan.

#### **8. Bagaimanakah pengguna akan mendapat makluman berkenaan pertanyaan/inquiry oleh pihak PPTG WPKL?**

Pengguna akan menerima pemakluman melalui e-mel dan laman notifikasi pada dashboard pengguna di Portal Awam e-Tanah.

**9. Bagaimanakah pengguna akan menerima surat keputusan?**

Pengguna akan menerima surat keputusan melalui dua (2) cara iaitu pada skrin Status Permohonan di Portal Awam e-Tanah dan juga melalui e-mel yang telah didaftarkan.

**10. Bolehkah surat keputusan bagi urusan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN) boleh dicetak secara hitam putih?**

Ya, boleh. Surat keputusan boleh dicetak samada secara hitam putih ataupun bewarna.

**11. Adakah hanya borang permohonan yang lengkap dan dicetak melalui Portal Awam e-Tanah sahaja yang boleh ditandatangani oleh anak guam?**

Tidak. Jadual 17 dan Jadual 18 simpanan/cetakan sendiri boleh diguna pakai dengan syarat susunan dan struktur ayat adalah sama seperti yang diisi dan dilengkapkan dalam Portal Awam e-Tanah. Jadual tersebut mestilah lengkap diisi dan ditandatangani sebelum dimuat naik melalui Portal Awam e-Tanah.

**12. Bolehkah pihak pemaju menandatangani borang Jadual 17 bagi pihak pemohon dan penerima?**

Tidak. Pemaju hanya boleh tandatangan di ruangan pemilik tanah manakala pembeli di ruangan penerima milik. Wakil bagi pihak pemilik tanah/penerima milik boleh menandatangani Jadual 17 dan Jadual 18 sekiranya surat kuasa wakil telah didaftarkan di PPTG WPKL.

**13. Sekiranya pihak bank (bagi hakmilik yang mempunyai gadaian) tiada bantahan ke atas permohonan consent berkaitan, perlukah pihak bank kemukakan surat tiada bantahan tersebut untuk disertakan bersama permohonan tersebut?**

Tidak. Tiada keperluan pemegang gadaian untuk kemukakan surat bantahan/tiada bantahan bagi permohonan Kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

**14. Perlukah surat tiada bantahan disertakan dalam permohonan consent?**

Tidak perlu.

**15. Sekiranya terdapat kesilapan pada permohonan (borang lama) dan pembetulan pada permohonan telah dibuat dalam Portal Awam e-Tanah, perlukah borang baru tersebut dicetak dan ditandatangan semula?**

Tidak, hanya perlu betulkan pada borang lama dan tandatangan ringkas (*initial*) pada perubahan yang telah dibuat. Kemudian, pengguna perlu pastikan maklumat pada borang lama adalah sama dengan maklumat yang dikemaskini di Portal Awam e-Tanah dan seterusnya muat naik semula borang tersebut di Portal Awam e-Tanah.

**16. Berapakah tempoh masa untuk memproses suatu urusan permohonan yang lengkap?**

Tiga puluh (30) hari bekerja.

**17. Adakah terdapat had pada bilangan dokumen yang boleh dilampirkan?**

Tiada had/tetapan pada bilangan dokumen lampiran (boleh lebih dari satu (1) fail lampiran). Namun, had saiz maksimum bagi satu (1) fail dokumen adalah 100mb.

18. **Jika pemilik merupakan warganegara asing yang berdaftar menggunakan nombor pasport lama, adakah perlu untuk dilampirkan surat akuan bagi mengesahkan pemilik pada pasport lama dan pasport baru adalah orang yang sama?**

Ya, pemohon perlu melampirkan surat akuan bagi mengesahkan pemegang pasport dahulu dan pasport baharu adalah orang yang sama.

19. **Bolehkah surat akuan ditulis dalam bahasa Inggeris?**

Boleh. Tiada halangan sekiranya surat akuan tersebut ditulis dalam bahasa Inggeris.